



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KESAN TEKNIK PERBINCANGAN REFLEKTIF TERHADAP  
PRESTASI PENULISAN ISI KARANGAN PELAJAR  
MENENGAH TINGGI**

ISMAIL BIN JAAFAR

FPP 1995 7

**KESAN TEKNIK PERBINCANGAN REFLEKTIF TERHADAP PRESTASI  
PENULISAN ISI KARANGAN PELAJAR MENENGAH TINGGI**

**Oleh**

**ISMAIL BIN JAAFAR**

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Keperluan Untuk Ijazah  
Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Pertanian Malaysia**

**DISEMBER 1995**



## **PENGHARGAAN**

Penulis bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinanMu, akhirnya tesis ini dapat disempurnakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Dengan penuh rasa rendah diri, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam menyempurnakan kajian ini.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Prof. Madya Dr. Jamali Ismail (Pengerusi), Profesor Dr. Haji Amat Juhari Moain, dan Prof. Madya Dr. Kamariah Abu Bakar kerana nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh penyempurnaan tesis ini.

Selain itu, ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Biasiswa dan Bahagian Sekolah kerana memberi peluang sekali lagi kepada penulis untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Master.

Terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi kebenaran kepada penulis membuat rujukan di perpustakaan, di samping menjalankan kajian di Sekolah Tinggi, Batu Pahat, Johor.

Ucapan penghargaan penulis tujukan kepada Pemangku Pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar Tingkatan Enam Rendah Sastera Sekolah Tinggi, Batu Pahat kerana kerjasama yang diberi.

Tidak ketinggalan diucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Bahasa dan Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM, rakan-rakan program Master Sains di UPM, dan sesiapa sahaja yang telah menyumbang dan membantu secara langsung atau tidak langsung dalam penyempurnaan tesis ini.

Akhir sekali, kepada isteri tersayang, Hainnie binti Harun dan anak-anak yang dikasihi, Eliani, Muhammad Hilmee, Nur Izzah, dan Muhammad Hazim yang telah memberikan inspirasi dan dorongan kepada penulis.

Kepada semua, penulis mengabadikan tesis ini.

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN .....	ii
SENARAI JADUAL .....	vii
SENARAI RAJAH .....	ix
SENARAI SINGKATAN .....	x
ABSTRAK .....	xi
ABSTRACT .....	xiii
 <b>BAB</b>	
1 PENDAHULUAN .....	1
Latar Belakang Kajian .....	3
Pernyataan Masalah .....	7
Objektif Kajian .....	8
Kepentingan Kajian .....	9
Hipotesis Kajian .....	11
Batasan Kajian .....	13
Definisi Operasional .....	16
Pemantapan .....	17
Kerelevenan .....	17
Keutuhan .....	18
Kaedah Deduksi .....	18
Teknik Tradisional .....	20
Prestasi Penulisan Isi Karangan .....	20
Perbincangan Reflektif .....	21
2 SOROTAN LITERATUR .....	22
Model-model Teoritis Pengajaran Karangan .....	22
Teori Gestaltis .....	23
Teori Piaget .....	26
Teori Gagne .....	28
Teori Chomsky .....	30

**Halaman**

	<b>Kajian-kajian berkaitan Kaedah Pengajaran</b>	
	Karangan .....	31
	Rumusan .....	41
<b>3</b>	<b>METODOLOGI PENYELIDIKAN .....</b>	<b>42</b>
	Kerangka Teoritis Kajian .....	42
	Kerangka Konseptual Kajian .....	46
	Reka Bentuk Kajian .....	47
	Kumpulan Eksperimen [KE 1] .....	49
	Kumpulan Kawalan [KK 1] .....	49
	Kumpulan Kawalan [KK 2] .....	49
	Kumpulan Kawalan [KK 3] .....	50
	Tempat Kajian .....	50
	Populasi dan Persampelan .....	52
	Instrumentasi .....	53
	Pembolehubah Kajian .....	54
	Pembolehubah Bersandar .....	54
	Pembolehubah Bebas .....	54
	Prosedur Pengumpulan Data .....	55
	Prosedur Penilaian Hasil Ujian .....	57
	Pemprosesan Data .....	58
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
	<b>HASIL KAJIAN .....</b>	<b>60</b>
	Analisis Prestasi Penulisan Isi Karangan	
	Dalam Kumpulan Sampel .....	64
	Analisis Prestasi Penulisan Isi Karangan	
	Kumpulan Eksperimen .....	64
	Analisis Prestasi Penulisan Isi Karangan	
	Kumpulan Kawalan .....	67
	Analisis Prestasi Penulisan Isi Karangan	
	Aspek Kerelevenan dan Keutuhan . ....	69
	Analisis Prestasi Penulisan Isi Karangan	
	Antara Kumpulan Sampel .....	76
	Analisis Prestasi Penulisan Isi Karangan	
	Aspek Kerelevenan Antara Kumpulan	
	Eksperimen dan Kumpulan Kawalan . ....	77

	Halaman
Analisis Prestasi Penulisan Isi Karangan Aspek Keutuhan Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan .....	80
Analisis Prestasi Penulisan Isi Karangan Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan .....	82
Prestasi Penulisan Isi Karangan Secara Keseluruhan .....	84
Perbincangan Hasil Kajian .....	90
<b>5 RUMUSAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>94</b>
Rumusan .....	94
Cadangan .....	99
Faktor Sukatan Pelajaran .....	99
Faktor Guru .....	101
Cadangan untuk Kajian Selanjutnya .....	103
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>106</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
A Surat Menyurat .....	112
B Skema Jawapan .....	114
C Persediaan Mengajar .....	117
D Skema Pemarkahan .....	122
E Data-data Kajian .....	127
<b>LATAR DIRI .....</b>	<b>135</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1      Reka Bentuk Penyelidikan Solomon Empat Kumpulan .....	48
2      Analisis Keputusan Bahasa Melayu STPM, Sekolah Tinggi Batu Pahat .....	51
3      Skor Kumpulan Eksperimen [KE 1] Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca .....	65
4      Ujian-t Bagi Menguji Kesignifikanan Skor Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Eksperimen [KE 1] Yang Dirangsang Teknik Perbincangan Reflektif .....	66
5      Skor Kumpulan Kawalan [KK 1] Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca .....	67
6      Ujian-t Bagi Menguji Kesignifikanan Skor Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan [KK 1] Yang Dirangsang Teknik Tradisional .....	68
7      Ujian-t Bagi Menguji Kesignifikanan Skor Ujian Pra dan Pasca Aspek Kerelevenan Kumpulan Eksperimen [KE 1] Yang Dirangsang Teknik Perbincangan Reflektif .....	70
8      Ujian-t Bagi Menguji Kesignifikanan Skor Ujian Pra dan Pasca Aspek Kerelevenan Kumpulan Kawalan [KK 1] Yang Dirangsang Teknik Tradisional .....	72
9      Ujian-t Bagi Menguji Kesignifikanan Skor Ujian Pra dan Pasca Aspek Keutuhan Kumpulan Eksperimen [KE 1] Yang Dirangsang Teknik Perbincangan Reflektif .....	74

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
10      Ujian-t Bagi Menguji Kesignifikanan Skor Ujian Pra dan Pasca Aspek Keutuhan Kumpulan Kawalan [KK 1] Yang Dirangsang Teknik Tradisional .....	75
11      Ujian Anova Bagi Menguji Kesignifikanan Min Skor Ujian Pasca Aspek Kerelevenan Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan .....	78
12      Ujian Anova Bagi Menguji Kesignifikanan Min Skor Ujian Pasca Aspek Keutuhan Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan .....	81
13      Ujian Anova Bagi Menguji Kesignifikanan Min Skor Ujian Pasca Penulisan Isi Karangan Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan .....	83
14      Kedudukan Min Skor Ujian Pasca Kumpulan- Kumpulan Sampel Bagi Pengujian Statistik Anova 2-Hala .....	86
15      Ujian Anova 2-Hala Bagi Menguji Kesignifikanan Prestasi Penulisan Isi Karangan Sampel Kumpulan-kumpulan Kajian .....	87

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Prosedur Mengajar Melalui Kaedah Deduksi ....	15
2	Kerangka Teoritis Kajian .....	45
3	Kerangka Konseptual Kajian .....	46
4	Graf Kesan Interaksi Prestasi Penulisan Isi Karangan Antara Kumpulan Treatmen dan Kumpulan Pra Ujian .....	89

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>BM</b>	=	<b>Bahasa Melayu</b>
<b>KE</b>	=	<b>Kumpulan Eksperimen</b>
<b>KBSM</b>	=	<b>Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah</b>
<b>KK</b>	=	<b>Kumpulan Kawalan</b>
<b>SPM</b>	=	<b>Sijil Pelajaran Malaysia</b>
<b>STPM</b>	=	<b>Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia</b>

**Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian  
Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat keperluan  
ijazah Master Sains**

**KESAN TEKNIK PERBINCANGAN REFLEKTIF TERHADAP PRESTASI  
PENULISAN ISI KARANGAN PELAJAR MENENGAH TINGGI**

**Oleh**

**ISMAIL JAAFAR**

**DISEMBER 1995**

Pengerusi: Prof. Madya Dr. Jamali Ismail

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Penyelidikan eksperimental ini cuba mendapatkan data tentang prestasi penulisan isi karangan bahasa Melayu (BM) kalangan pelajar Tingkatan Enam. Tujuannya ialah untuk memahami sejauh mana kaedah deduksi melalui teknik perbincangan reflektif memberi kesan terhadap prestasi penulisan isi karangan aspek kerelevan, keutuhan dan keseluruhan kalangan pelajar menengah tinggi.

Data kajian dikumpul melalui ujian karangan dalam ujian pra dan ujian pasca bagi tujuan mengukur prestasi penulisan isi karangan kumpulan eksperimen yang dirangsang dengan kaedah deduksi melalui teknik perbincangan reflektif dan kumpulan kawalan yang telah menjalani teknik pengajaran tradisional.

Bagi penulisan isi karangan aspek kerelevenan dalam kumpulan eksperimen [KE 1], hasil ujian-t menunjukkan kewujudan perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca. Berhubung kumpulan kawalan [KK 1] pula, hasil ujian-t tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Dapatlah dikatakan bahawa kaedah deduksi melalui teknik perbincangan reflektif boleh meningkatkan prestasi penulisan isi karangan aspek kerelevenan kalangan pelajar menengah tinggi.

Dalam penulisan isi karangan aspek keutuhan dalam kumpulan eksperimen [KE 1], ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca. Bagi Kumpulan kawalan [KK 1] pula, hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Data kajian menunjukkan kaedah deduksi melalui teknik perbincangan reflektif berupaya meningkatkan prestasi penulisan isi karangan aspek keutuhan kalangan pelajar menengah tinggi.

Berhubung prestasi keseluruhan penulisan isi karangan dalam kumpulan eksperimen [KE 1], hasil ujian-t yang dijalankan ke atas skor ujian pra dan ujian pasca memperlihatkan perbezaan yang signifikan. Ujian yang sama terhadap kumpulan kawalan [KK 1] tidak menunjukkan kewujudan perbezaan yang signifikan . Tafsiran yang boleh dibuat ialah kewujudan bukti yang menunjukkan keberkesanan rangsangan kaedah deduksi melalui teknik perbincangan reflektif ke atas prestasi penulisan isi karangan kalangan pelajar menengah tinggi.

Penganalisisan data min skor ujian pasca melalui ujian statistik ANOVA antara kumpulan yang dirangsang dengan kaedah deduksi melalui teknik perbincangan

reflektif [KE 1 dan KK 2] dan kumpulan yang diberi teknik pengajaran tradisional [KK 1 dan KK 3] menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam penulisan isi karangan aspek kerelevenan, keutuhan, dan keseluruhan. Dapatan kajian ini menunjukkan kaedah deduksi teknik perbincangan reflektif boleh mempertingkatkan prestasi penulisan isi karangan aspek kerelevenan, keutuhan dan keseluruhan kalangan pelajar menengah tinggi.

Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah deduksi melalui teknik perbincangan reflektif memberi kesan terhadap prestasi penulisan isi karangan kalangan pelajar menengah tinggi. Keputusan kajian ini mempunyai implikasi kepada strategi pendekatan dan perkaedahan mengajar BM di sekolah-sekolah menengah tinggi.

**Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian  
Malaysia as partial fulfillment of the requirements for  
the degree of Master of Science**

**EFFECTS OF REFLECTIVE DISCUSSION TECHNIQUE ON  
PERFORMANCE IN CONTENT- WRITING AMONG  
HIGHER SECONDARY SCHOOL STUDENTS**

**By**

**ISMAIL JAAFAR**

**DECEMBER 1995**

Chairman : Associate Professor Dr. Jamali Ismail

Faculty : Educational Studies

This experimental study was to obtain information on content-writing performance in Malay composition among Sixth Form students. The objective of the study was to determine the effects of reflective discussion technique on the performance in content-writing in the aspects of relevancy, cohesion, and overall standing among higher secondary school students.

Data were obtained from composition test administered in the pretest and posttest sessions to measure the performance of content-writing among experimental

group which was stimulated by reflective discussion technique and a control group which has been induced by the traditional method of teaching.

For the content-writing in the aspects of relevency among experimental group [KE 1], the results of the t-test showed a significant difference in the pretest and posttest scores. Among the control group [KK 1], the results of the t-test showed no significant difference. Thus, reflective discussion technique can improve the performance of content-writing in Malay composition in the aspects of relevency among students in higher secondary school.

On the performance of content-writing in the aspects of cohesion, the t-test administered on the experimental group [KE 1] showed a significant difference in the pretest and posttest scores. For the control group [KK 1], the finding showed no significant difference. The finding also showed that reflective discussion technique have the capacity to improve the performance of content-writing in Malay composition in the aspects of cohesion among students in higher secondary school.

In determining the overall standing of content-writing, pretest and posttest scores of experimental group [KE 1] was subjected to the t-test. Results showed a significant difference in the test scores. Similar t-test procedure that was conducted on the pretest and posttest scores of the control group [KK 1] showed no significant difference. It can be concluded that the reflective discussion technique is effective in improving the performance of content-writing in Malay composition among higher secondary school students.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

Salah satu manifestasi yang ditegaskan dalam Falsafah Pendidikan Negara (Kementerian Pendidikan,1990) ialah untuk memperkembangkan intelek pelajar. Sebelum wujudnya Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), sistem pendidikan negara kurang memberi penekanan yang menyeluruh kepada domain kognitif (Kementerian Pendidikan,1990).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, perkaedahan mengajar lebih tertumpu kepada kemahiran kognitif pada peringkat rendah, iaitu penghafalan, ingatan kembali dan kefahaman. Kemahiran kognitif pada peringkat tinggi seperti mengaplikasi, menganalisis, mensintesis dan membuat penilaian jarang atau kurang diusahakan.

Kajian-kajian di dalam pendidikan bahas (Kementerian Pendidikan Malaysia,1992) menunjukkan bahawa guru mata pelajaran Bahasa Melayu tidak memberi penekanan kepada peranan bahasa dalam proses pemikiran,

di samping kurang memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan bahasa Melayu dalam proses pembelajaran di dalam bilik darjah. Azman Wan Chik (1985) menjelaskan bahawa pengajaran penulisan Bahasa Melayu di peringkat menengah atas masih dianggap sebagai sesuatu yang rutin. Beliau berpendapat pihak perancang kurikulum lebih gemar menyerahkan soal pemilihan dan penggunaan kaedah pengajaran kepada budi bicara guru. Malah, menurut Muhammad Zain Haji Sharif (1987), guru lebih bersikap puas apabila pelajarnya boleh mengarang dengan tidak melakukan kesalahan nahu dan ejaan, walaupun karangan tersebut tidak menggambarkan suatu bentuk penulisan yang kritis dan analitis.

Sehubungan itu, untuk membaiki ketidakseimbangan tersebut, kemahiran kognitif dalam proses pengajaran dan pembelajaran sewajarnyalah dimanifestasikan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Memandangkan aspek perkaedahan mengajar berkait rapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, maka perhatian yang wajar perlu diberikan kepada aspek kaedah pengajaran yang lebih menjurus kepada pembinaan kemahiran berfikir.

Diharapkan usaha memperkembangkan kemahiran intelek dalam pengajaran dan pembelajaran, khususnya Bahasa Melayu, akan dapat melahirkan golongan pelajar yang mempunyai daya pemikiran logik, kreatif, rasional, inovatif dan analitis dalam situasi pembelajaran. Melalui

perkembangan intelek yang menyeluruh akan memberi sumbangan yang bermanfaat kepada diri, masyarakat dan negara.

### **Latar Belakang Kajian**

Rata-rata pelajar yang ditawarkan untuk meneruskan pelajaran ke Tingkatan Enam disyaratkan memperoleh sekurang-kurangnya gred kepujian (1 hingga 6) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dengan itu, pada dasarnya, pelajar-pelajar yang terpilih sudah seharusnya terdidik untuk memahami, menghayati dan menguasai kemahiran berbahasa yang memuaskan, lantas berkemampuan untuk berbahasa Melayu secara yang menyeluruh dan berkeupayaan berfikir bagi melahirkan idea melalui ucapan dan tulisan (Majlis Peperiksaan Malaysia, 1991).

Kalau diteliti sukanan pelajaran Bahasa Melayu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), sememangnya digariskan dua tujuan utama mata pelajaran Bahasa Melayu STPM iaitu untuk membolehkan pelajar menguasai kecekapan berbahasa setaraf dengan peringkat intelek pelajar pada peringkat tinggi dan memupuk daya pengembangan berbahasa untuk kepentingan pendidikan tinggi dan pekerjaan. Tidak secara langsung kedua-dua tujuan ini memperakui bahawa pelajar

menengah tinggi sudah bersedia untuk mengharungi pendidikan bahasa Melayu di takat tertinggi dalam hierarki kemahiran intelektual iaitu menganalisis, mensintesis dan menilai.

Dalam konteks kemahiran menulis karangan menengah tinggi, terdapat dua objektif pelajaran yang berkaitan iaitu:

- a. membina kebolehan mengungkapkan fikiran secara lisan dan tulisan dengan menggunakan bahasa yang betul dan kemas.
- b. membina kebolehan memperluas sesuatu idea atau perkara dengan cara tersusun, padat dan meyakinkan.

Sekali lagi kalau ditinjau objektif di atas, jelas dipaparkan kepada setiap guru yang mengajar Bahasa Melayu STPM, khususnya pengajaran karangan, bahawa perhatian yang wajar sepatutnya diberi kepada kemahiran intelektual. Kegagalan untuk menunaikan matlamat tersebut serba sedikit akan juga menggagalkan tujuan utama sukatan pelajaran Bahasa Melayu STPM untuk menyediakan dan melahirkan golongan pelajar yang kreatif, inovatif, dinamik dan rasional.

Antara usaha atau langkah di pihak guru untuk merealisasikan objektif di atas ialah dengan memperkuuhkan perkaedahan mengajar di bilik darjah. Beberapa kajian tentang perkaedahan mengajar isi karangan

menunjukkan bahawa terdapat pertalian yang rapat antara kaedah mengajar dengan prestasi menulis karangan. Merujuk pendapat Lloyd-Jones (1979), kemerosotan prestasi penulisan isi karangan banyak berpunca daripada kelemahan para pendidik mempraktikkan kaedah mengajar kemahiran menulis karangan yang betul dan berkesan.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Glatthorn (1981) dan Golub (1983), sudah sekian lama karangan diajar mengikut naluri dan cita rasa guru tanpa berpandukan kaedah pengajaran karangan yang sesuai dan berkesan. Tinjauan kajian mereka menunjukkan bahawa rata-rata pendidik menganggap penulisan karangan sebagai suatu hasilan (*product*).

Anggapan di atas berkemungkinan wujud kerana penilaian dibuat semata-mata berfokuskan kesilapan mekanis dan kurang kepada penulisan isi karangan. Terdapat juga kemungkinan yang para pendidik kurang menyedari bahawa penulisan itu adalah penglahiran fikiran dan perasaan yang mempunyai tujuan, himpunan fakta, pendapat serta idea yang terpilih dan tersusun (Arapoff, 1970) agar menggambarkan maksud dan kandungan yang boleh difahami dan dihayati oleh orang lain (Klein, 1985). Oleh itu, keberkesanan tulisan ditentukan berdasarkan sejauh mana kerelevan dan keutuhan fakta-fakta yang dibentangkan.

Tinjauan oleh Adnan Ibrahim (1986) dan Lau Siew Yok (1988) juga menunjukkan bahawa amalan menggunakan perkaedahan "biasa" memberi kesan negatif kepada jumlah isi karangan, kerelevenan isi dengan tajuk, serta keutuhan atau kesepadan karangan secara keseluruhan. Malah, banyak kajian telah dapat memperlihatkan bahawa isi karangan adalah faktor penting dalam menentukan tinggi atau rendahnya markah karangan (Awang Mohamad Amin, 1981).

Ahmad Hj.Tahir dan Ibrahim Hj.Salleh (1987) menjelaskan bahawa perkaedahan mengajar bahasa Melayu menengah atas oleh guru-guru masih menggunakan perkaedahan "ad hoc" yang diubahsuai mengikut kebolehan, kemampuan dan pengalaman guru itu sendiri. Yang lazimnya ialah kaedah tradisional iaitu guru mencatatkan judul karangan di papan hijau, diikuti dengan pemaparan isi karangan oleh guru, lalu diakhiri dengan aktiviti menulis karangan. Yang pastinya, pelajar-pelajar tidak diberi peluang untuk meluahkan idea atau buah fikiran, malah berkemungkinan besar mereka tidak dapat menggarap idea yang jelas tentang karangan yang akan dibuat.

Melalui pendedahan perkaedahan mengajar bahasa Melayu pada tahap kognitif yang rendah, tidaklah memerlukan jika ramai pelajar menengah tinggi yang menduduki peperiksaan STPM gagal untuk menghasilkan isi-isi karangan yang tepat dan bernalas. Pernyataan ini boleh

dipertanggungjawabkan kepada penyelidik berdasarkan pengalaman sendiri sebagai guru mata pelajaran dan pemeriksa skrip jawapan Bahasa Melayu 2 STPM.

Jika benarlah perkaedahan mengajar berhubung rapat dengan prestasi penulisan isi karangan pelajar menengah, maka adalah penting untuk kita memahami sejauh mana berkesannya sesuatu kaedah pengajaran itu dalam mempertingkatkan kemahiran pemantapan isi karangan.

### **Pernyataan Masalah**

Oleh kerana sistem pendidikan kini masih berorientasikan “peperiksaan”, kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah tinggi masih berpusatkan guru. Jelasnya, pengajaran dan pembelajaran lebih banyak bersifat sehala sahaja, dan kurang menumpukan perhatian pada aktiviti berbahasa domain kognitif tahap tertinggi, iaitu mengaplikasi, menganalisis dan mensintesis.

Dengan berbekalkan fahaman umum bahawa tidak terdapat satu kaedah dan teknik mengajar penulisan isi karangan yang mantap dan boleh dipertanggungjawabkan, para pendidik lebih gemar menggunakan pengalaman sendiri untuk mengajar kemahiran berbahasa (Farid M. Onn, 1981). Lantaran itu, kedapatan ramai di kalangan pelajar Bahasa Melayu

menengah tinggi yang masih lemah dalam menghasilkan penulisan isi karangan yang baik dan berkesan.

Sehubungan itu, kajian ini ingin memahami sejauh mana kaedah deduksi melalui teknik perbincangan reflektif, jika dimanfaatkan secara optimum, memberi kesan kepada prestasi penulisan isi karangan pelajar menengah tinggi. Kajian ini ingin menilai sejauh mana keberkesanan kaedah deduksi melalui teknik perbincangan reflektif boleh mempertingkatkan kemampuan menulis isi karangan dari aspek kerelevan dan keutuhan.

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat kesan kaedah deduksi melalui teknik perbincangan reflektif terhadap prestasi penulisan isi karangan di kalangan pelajar menengah tinggi.

Berdasarkan pernyataan di atas, objektif kajian ini ialah:

1. Untuk menentukan sama ada kaedah deduksi melalui teknik perbincangan reflektif memberi kesan ke atas prestasi penulisan isi karangan kalangan pelajar menengah tinggi melalui ujian pra dan ujian pasca.

2. Untuk menentukan sejauh mana kaedah deduksi melalui teknik perbincangan reflektif mempengaruhi penulisan isi karangan dari aspek kerelevan dan ketuhan kalangan pelajar menengah melalui ujian pra dan ujian pasca.

3. Untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara teknik perbincangan reflektif dengan teknik tradisional terhadap prestasi penulisan isi karangan di kalangan pelajar menengah melalui ujian pra dan ujian pasca.

4. Untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara teknik perbincangan reflektif dan teknik tradisional terhadap prestasi penulisan isi karangan dari aspek kerelevan dan ketuhan di kalangan pelajar menengah melalui ujian pra dan ujian pasca.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian tentang kesan kaedah deduksi melalui teknik perbincangan reflektif ke atas prestasi penulisan isi karangan kalangan pelajar menengah tinggi ini penting berdasarkan sebab-sebab berikut:

Pertama, hasil kajian ini diharapkan dapat merangsang para pendidik untuk mengutamakan kaedah pengajaran penulisan karangan bahasa Melayu domain kognitif, khususnya dalam memantapkan lagi